

24/08/2002

Kaedah ambil golongan istimewa bekerja perlu

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan disaran mewujudkan satu mekanisme untuk memantau pengambilan orang kurang upaya di sektor awam dan swasta bagi memastikan hak golongan itu mencari rezeki tidak dinafikan.

Ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, orang kurang upaya berhak mendapat peluang pekerjaan kerana mereka mempunyai hak yang sama rata seperti manusia biasa.

"Ini harus dianggap sebagai layanan adil dan saksama kepada orang kurang upaya, bukannya atas dasar simpati," katanya di sini, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengambilan orang kurang upaya untuk bekerja di sektor awam dan swasta tidak harus dibuat atas dasar simpati serta memenuhi tanggungjawab sosial semata-mata.

Perdana Menteri berkata, orang kurang upaya tidak mengharapkan simpati orang lain, sebaliknya mereka mengharapkan peluang bekerja supaya dapat hidup berdikari.

Lee berkata, kerajaan harus menggalakkan sektor swasta untuk memberi peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya tanpa berdasarkan perasaan simpati terhadap golongan itu.

Beliau berkata, kerajaan sudah melaksanakan dasar yang mewajibkan semua sektor awam memberi satu peratus daripada peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya.

"Jika sektor swasta gagal melaksanakannya, kerajaan boleh mengambil tindakan lebih tegas termasuk mewajibkan sektor itu memperuntukkan satu peratus pekerjaan kepada orang kurang upaya," katanya.

Pada masa sama, Lee menyeru orang kurang upaya supaya mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memudahkan kerajaan mengetahui jumlah sebenar golongan itu.

Beliau berkata, langkah itu penting untuk kerajaan membuat sebarang perancangan bagi membantu orang kurang upaya dari segi program pemulihan, latihan, rawatan dan penyediaan kemudahan sokongan.